



NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

TAMBAHAN KEPADA
WARTA KERAJAAN

BAHAGIAN II

Disiarkan dengan Kebenaran

SUPPLEMENT TO
GOVERNMENT GAZETTE

PART II

Published by Authority

Bahagian/Part II]

HARI SABTU/SATURDAY 9th. APRIL, 2011

[Bil./No. 11

Bil. S 22

**PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
(Perintah dibuat di bawah Perkara 83(3))**

PERINTAH AKTA MAHKAMAH BESAR (PINDAAN), 2011

SUSUNAN BAB-BAB

Bab

1. Gelaran.
 2. Pemasukan bab-bab 16A, 16B dan 16C baru ke dalam Penggal 5.
-

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
(Perintah dibuat di bawah Perkara 83(3))

PERINTAH AKTA MAHKAMAH BESAR (PINDAAN), 2011

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh Perkara 83(3) dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam, maka Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dengan ini membuat Perintah yang berikut —

Gelaran.

1. Perintah ini boleh digelar sebagai Perintah Akta Mahkamah Besar (Pindaan), 2011.

Pemasukan bab-bab 16A, 16B dan 16C baru ke dalam Penggal 5.

2. Akta Mahkamah Besar adalah dipinda dengan memasukkan 3 bab baru yang berikut sejurus selepas bab 16 —

"Pemindahan prosiding ke Mahkamah Perantaraan.

16A. (1) Pada mana-mana peringkat dalam sebarang prosiding yang dikenakan bab ini, Mahkamah Tinggi boleh, menurut Aturan-Aturan Mahkamah Besar (R1), sama ada atas usulnya sendiri atau atas permohonan mana-mana pihak dalam prosiding itu, memerintahkan pemindahan keseluruhan atau mana-mana bahagian prosiding itu ke Mahkamah Perantaraan jika —

(a) pihak-pihak itu bersetuju dengan pemindahan tersebut; atau

(b) Mahkamah Tinggi berpuas hati bahawa —

- (i) selepas elaun telah dibuat bagi sebarang pembayaran, tolakan atau amaun lain yang diterima sebagai kena dibayar, amaun yang masih dipertikaikan berkaitan dengan tuntutan itu adalah dalam had monetari bidang kuasa Mahkamah Perantaraan;
- (ii) keseluruhan amaun yang boleh didapatkan balik berkaitan dengan tuntutan itu adalah mungkin dalam had monetari bidang kuasa Mahkamah Perantaraan; atau

(iii) dalam hal prosiding yang tidak melibatkan tuntutan yang tidak ditentukan banyaknya, hal perkara prosiding itu adalah atau mungkin dalam had bidang kuasa Mahkamah Perantaraan; atau

(c) jika hanya suatu tuntutan balas masih dipertikaikan, Mahkamah Tinggi menganggap bahawa amaun yang boleh didapatkan balik berkaitan dengan tuntutan balas itu adalah mungkin dalam had monetari bidang kuasa Mahkamah Perantaraan; atau

(d) Mahkamah Tinggi menganggap bahawa prosiding itu tidak mungkin menimbulkan apa-apa persoalan penting tentang undang-undang atau fakta dan sesuai untuk diputuskan oleh Mahkamah Perantaraan.

(2) Tertakluk kepada cerai (3), bab ini dikenakan kepada semua prosiding yang dimulakan di Mahkamah Tinggi yang Mahkamah Perantaraan mungkin mempunyai, selain dari sebarang batasan kerana amaun atau nilai atau nilai tahunan, bidang kuasa untuk mendengar dan memutuskan jika dimulakan di Mahkamah Tinggi.

(3) Bab ini tidak dikenakan kepada prosiding keluarga.

(4) Jika prosiding diperintahkan untuk dipindahkan dari Mahkamah Tinggi ke Mahkamah Perantaraan —

(a) mana-mana pihak dalam prosiding itu hendaklah menyerahkan kepada pendaftar Mahkamah Perantaraan atau menyebabkan untuk diserahkan kepadanya, perintah Mahkamah Tinggi dan writ, atau salinannya, dan dokumen lain (jika ada) yang dikehendaki oleh perintah tersebut untuk difailkan di Mahkamah Perantaraan; dan

(b) Pendaftar Mahkamah Tinggi hendaklah, atas permohonan pihak itu dan apabila perintah Mahkamah Tinggi dikemukakan dan apabila satu salinannya difailkan, menghantar kepada pendaftar Mahkamah Perantaraan semua pliding, affidavit dan dokumen lain yang difailkan di Mahkamah Tinggi berkenaan dengan prosiding itu.

(5) Tertakluk kepada cerai (6), apabila dokumen-dokumen yang disebutkan dalam cerai (4) diserahkan atau dihantar, prosiding itu hendaklah dipindahkan ke Mahkamah Perantaraan.

(6) Pemindahan itu tidaklah menjejaskan sebarang hak untuk merayu dari perintah Mahkamah Tinggi yang mengarahkan pemindahan itu, atau hak untuk menguatkuasakan di Mahkamah Tinggi sebarang

penghakiman yang ditandatangani, atau apa-apa perintah lain yang dibuat di Mahkamah Tinggi sebelum pemindahan itu.

(7) Dalam bab ini, "prosiding keluarga" bermakna prosiding berkaitan dengan perkahwinan, perceraian, nafkah, penjagaan dan perkara lain yang berhubungkait dengan kehidupan keluarga.

Kos dikurangkan atau prosiding dibatalkan oleh Mahkamah Tinggi.

16B. Jika suatu pihak telah memulakan prosiding di Mahkamah Tinggi dan Mahkamah Tinggi —

(a) berpendapat bahawa prosiding itu seharusnya dimulakan di Mahkamah Perantaraan; atau

(b) berpuas hati bahawa pihak itu mengetahui atau sepatutnya telah mengetahui bahawa prosiding itu seharusnya, pada pendapat Mahkamah Tinggi, telah dimulakan di Mahkamah Perantaraan,

maka Mahkamah Tinggi hendaklah mengambil kira hal keadaan itu dan ia boleh atas budibicaranya mengurangkan award kos dengan suatu amaun tidak melebihi 25 peratus atau membatalkan prosiding itu.

Penguntukan prosiding ke Mahkamah Perantaraan.

16C. (1) Ketua Hakim boleh, jika dianggapnya perlu atau mustahak untuk meningkatkan kecekapan dalam pelaksanaan keadilan dan untuk membuat peruntukan bagi penyelesaian prosiding yang dimulakan di Mahkamah Tinggi dengan lebih cepat lagi, dengan perintah mengarahkan jenis atau jenis-jenis atau perihalan prosiding sebagaimana yang mungkin dinyatakan dalam perintah itu untuk didengar dan diputuskan oleh Mahkamah Perantaraan.

(2) Dengan tidak menghiraukan sebarang undang-undang bertulis yang lain, apa-apa perintah yang dibuat di bawah cerai (1) —

(a) boleh memberi bidang kuasa kepada Mahkamah Perantaraan untuk mendengar dan memutuskan sebarang prosiding yang dinyatakan dalam perintah itu yang, jika tidak kerana perintah itu, Mahkamah Perantaraan tidak mungkin mempunyai bidang kuasa untuk mendengar dan memutuskan hanya oleh sebab fakta bahawa amaun yang terbabit melebihi had monetari bidang kuasanya;

(b) boleh membuat peruntukan yang mengawal rayuan berkenaan dengan prosiding yang dipindahkan ke Mahkamah Perantaraan (termasuk peruntukan-peruntukan yang menyekat hak

untuk merayu) sebagaimana yang difikirkan patut oleh Ketua Hakim;
dan

(c) boleh membuat peruntukan bersampingan bagi pemindahan prosiding itu ke Mahkamah Perantaraan (termasuk perkara-perkara berkenaan dengan prosedur dan kos) sebagaimana yang difikirkan patut oleh Ketua Hakim."

Diperbuat pada hari ini 5 haribulan Jamadilawal, Tahun Hijrah 1432 bersamaan dengan 9 haribulan April, 2011 di Istana Nurul Iman Beta, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM